

Kebebasan kehakiman menurut Mahathir

U.M. 19 OCT 1977

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa kebebasan kehakiman juga memberi makna kebebasan perundangan dari kehakiman.

Menurutnya, terdapat beberapa institusi yang ingin mempunyai kuasa autonomi yang berpegang kepada kepercayaan bahawa pihak lain tidak harus campurtangan dalam hal ehwal mereka sedang mereka pula boleh mencampuri atau mengambil alih tugas pihak lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah mempergunakan ceramah pertama Peringatan Tun Abdul Razak oleh Hakim E.M. Fernando dari Filipina di Universiti Malaya malam ini.

Katanya, "sementara pihak perundangan tidak harus memainkan peranan kehakiman atau bertindak mengarahnya, pihak kehakiman pula janganlah cuba menekankan pandangannya ke atas pihak perunda-

**KUALA LUMPUR
18 OKTOBER**

"Allahyarham Tun adalah seorang ahli politik yang bijak, pentadbir yang cekap dengan kebolehan melaksanakan impian menjadi kenyataan, seorang demokrat tulen, dan dengan melihat berbagai tindakannya beliau juga merupakan seorang negarawan di Malaysia dan di dunia antarabangsa," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan Allahyarham Tun juga memainkan peranan besar dalam menggubal perlembagaan sekarang yang telah hidup sejak 20 tahun lalu sebagai satu dokumen hasil usaha yang mahir.

ngan.

"Tindakan demikian terutamanya bila disertai dengan gerakan, akan mengakibatkan kekeliruan peranan dan akhirnya meruntuhkan kebebasan kehakiman sendiri," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata adalah sesuai siri ceramah tahunan ini yang dulunya dikenali sebagai ceramah Peringatan Braddel, bila diadakan di Kuala Lumpur, ditukar nama sempena Tun Abdul Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Allahyarham Tun Abdul Razak bukan saja merupakan seorang ahli politik tetapi juga peguam.

Jika beliau menyertai bidang undang-undang, saya percaya ia tentu menjadi terkenal, tetapi sebaliknya ia memilih untuk menggunakan latihan undang-undang di bidang tadbiran negara", tambahnya.

Bernilai

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Tun Abdul Razak merupakan seorang guru dan sahabat yang amat bernilai padanya.

"Bagaimanapun, peristiwa sekarang membuat saya berfikir bahawa perlembagaan kita hendaklah juga menyebut tugas-tugas warganegara terhadap negeri ini dan terhadap satu sama lain, sebagaimana, saya percaya, termaktub dalam perlembagaan Filipina," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mensifatkan Kanun Tanah Negara sebagai satu lagi kejayaan Allahyarham Tun di bidang undang-undang.